

26 JUL 2002

Khalil-Televisyen (Bergambar)

KERAJAAN GUNA TELEVISYEN BAGI JAWAB MAKI-HAMUN PEMBANGKANG

KUALA LUMPUR, 26 Julai (Bernama) -- Kerajaan hanya menggunakan media penyiarannya sebagai saluran untuk menjawab apa-apa sahaja maki-hamun daripada pihak pembangkang terhadap kerajaan memandangkan televisyen adalah saluran rasmi kerajaan, kata Menteri Penerangan Tan Sri Khalil Yaakob.

"Apa lagi cara kita hendak menjawab apabila diserang oleh parti pembangkang secara menyeluruh?" tanya beliau.

"Itu sebabnya televisyen digunakan untuk menyatakan hal ini semua kerana kerajaan yang diserang dan ini adalah serangan rasmi, maka televisyen adalah saluran rasmi kerajaan dan kita menjawab apa-apa yang mereka memaki hamun kerajaan," katanya kepada media selepas menerima kunjungan daripada Pengerusi Agensi Berita Yaman, Nas Taha Mustafa di pejabatnya di sini, hari ini.

Tindakan itu tidak ada salahnya kerana kerajaan perlu memberikan jawapan yang agak pantas dan jika dimasukkan ke dalam berita, ia dapat ditunjukkan kepada penonton bagaimana pihak pembangkang mulakan dahulu dengan menghentam kerajaan dan pemimpin kerajaan.

Beliau berkata jika parti pembangkang tidak memasukkan perkara ini seperti mengadakan ceramah dengan tidak menyentuh soal-soal peribadi, kerajaan tidak perlu menjawab atau memainkan semula apa yang mereka nyatakan.

Ditanya sama ada pihak pembangkang diberi ruang untuk muncul di televisyen, Khalil berkata jika ini dibenarkan, bermakna mereka akan mempunyai satu lagi saluran untuk mengutuk kerajaan selain Internet, surat layang dan menerbitkan buku seperti yang berlaku sekarang.

Beliau berkata sikap mereka tetap tidak akan berubah dan tidak akan berhenti menghentam kerajaan jika mereka diberi peluang untuk muncul di televisyen.

Mengenai penyiaran klip video pemimpin pembangkang memaki hamun pemimpin kerajaan, beliau berkata kerajaan akan terus menyiarkan apa sahaja yang difikirkan perlu untuk diketahui umum.

"Tidak semestinya video klip itu sahaja, mungkin kita akan jumpa dengan perkara-perkara lain yang dibuat oleh pembangkang," katanya.

Semalam Setiausaha Parlimen Kementerian itu Datuk Zainuddin Maidin berkata RTM akan menayangkan klip video mengenai Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Aziz yang mengatakan Tuhan samseng hari ini.

Beliau berkata RTM juga akan menayangkan klip video seorang pemimpin Pas lain pula yang mendakwa kononnya Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menonton video lucu bersama cucunya.

-- BERNAMA

NJ AKT PR